Mesej Dua

Hayat Abadi—Hayat Tuhan Berserta Sifat Divin, Tuhan Tritunggal Ialah Struktur Bible, dan Tuhan yang Bersembunyi, Tuhan yang Menyembunyikan Diri

Bacaan Bible: Yoh. 4:24; 2 Ptr. 1:1, 4-11; 1 Yoh. 1:5; 4:8, 16; Luk. 18:1-18

I. Hayat divin boleh dianggap sebagai atribut Tuhan yang pertama dan asas:

A. Hayat Tuhan ialah satu-satunya hayat.

B. Efesus 4:18 ialah satu-satunya ayat yang berbicara tentang hayat Tuhan: "Dengan digelapkan dalam kefahaman mereka, terasing daripada hayat Tuhan disebabkan kejahilan yang ada dalam mereka, disebabkan kekerasan hati mereka."

C. Dalam seluruh alam semesta, hanya hayat Tuhan yang boleh dikira sebagai hayat —1 Yoh. 5:12.

D. Di mata Tuhan, hanya hayat-Nya ialah hayat; oleh itu, apabila hayat Tuhan disebut dalam Wasiat Baru, hayat ini seakan-akan dianggap sebagai satu-satunya hayat—Yoh. 1:4; 10:10; 11:25; 14:6.

E. Hayat Tuhan adalah tidak tercipta, tidak mempunyai permulaan atau kesudahan, swawujud dan kekal-wujud, tidak berubah hingga selama-lamanya.

F. Dari sudut pandangan keabadian, hanya hayat Tuhan yang merupakan hayat.

II. Hayat abadi ialah hayat Tuhan berserta sifat divin:

A. Hayat abadi, iaitu hayat Tuhan:

1. Memperoleh hayat abadi pada zaman ini:
   a. Hayat abadi ialah hayat Tuhan—1 Yoh. 1:1-2.
   b. Hayat abadi ada dalam Tuan Yesus—5:11-12; Yoh. 1:4.
   c. Hayat abadi diberi oleh Tuhan secara percuma—Roma 6:23; 1 Yoh. 5:11.
   d. Hayat abadi diperoleh ketika percaya—Yoh. 3:16, 36; 5:24.
   e. Hayat abadi diketahui pada zaman ini—1 Yoh. 5:13.
   f. Mempunyai hayat abadi dan tidak akan binasa—Yoh. 10:28-29.
2. Memperoleh hayat abadi pada zaman akan datang:
   a. "Tidak ada orang yang sudah meninggalkan…kerana Aku dan kerana injil, tetapi tidak akan menerima seratus kali ganda banyaknya sekarang pada masa ini…dan pada zaman akan datang, hayat abadi"—Mrk. 10:29-30.
   b. "Hendaklah kamu setia sampai mati dan Aku akan memberi kamu mahkota hayat"—Wahi 2:10.
   c. "Kepada dia yang jayeng, kepadanya Aku akan memberi makan daripada pohon hayat yang berada di Firdaus Tuhan"—ay. 7.
3. Menikmati hayat abadi dalam keabadian:
   a. "Air yang akan Kuberikan kepadanya akan menjadi sumber mata air dalamnya, yang memancur keluar ke dalam hayat abadi"—Yoh. 4:14.
   b. "Aku akan memberi dia yang haus itu minum dari mata air bagi air hayat secara percuma"—Wahi 21:6.
   c. "Mereka dapat beroleh hak atas pohon hayat"—22:14.

B. Hayat Tuhan berserta sifat divin:

1. Sebagai orang yang telah menerima iktikad yang sama berharga, kita sebagai percayawan dalam Kristus harus menjadi pengambil bahagian sifat divin —2 Ptr. 1:4:
   a. *Sifat divin* merujuk kepada apanya Tuhan, iaitu kekayaan, elemen, dan konstituen diri Tuhan—Yoh. 4:24; 1 Yoh. 1:5; 4:8, 16.

b. Hayat divin dan sifat divin tidak dapat dipisahkan; sifat divin ialah substan hayat divin dan ada dalam hayat divin—1:1-2; 5:11-13.

2. Kita perlu mengalami perkembangan hayat divin dan sifat divin yang terkandung dalam benih divin yang telah disemai ke dalam kita supaya kita masuk dengan kayanya ke dalam kingdom abadi—2 Ptr. 1:1, 4-11.
3. Sebagai anak-anak Tuhan, kita ialah Tuhan-manusia, dilahirkan daripada Tuhan, memiliki hayat dan sifat Tuhan, dan kepunyaan spesies Tuhan—Yoh. 1:12-13.
4. Semasa kita dilahirukan, satu lagi sifat telah disalurkan ke dalam kita; inilah sifat Tuhan, sifat divin—2 Ptr. 1:4.
5. Pengambil bahagian sifat divin ialah orang yang menikmati sifat divin dan berbahagian dalam sifat divin—ay. 4.
6. Jika kita menikmati Tuhan dan berbahagian dalam kekayaan diri-Nya, kita akan dikonstitusikan dengan sifat divin, menjadi sama seperti Tuhan dalam hayat dan sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan dan mengekspresikan-Nya dalam segala apanya kita dan segala yang kita lakukan—ay. 3.

III. Tuhan Tritunggal ialah struktur Wasiat Baru:

A. "Tetapi jika Aku, melalui Roh Tuhan mengusir demon, maka kingdom Tuhan sudah datang kepadamu"—Mat. 12:28.

B. "Disipalkanlah semua bangsa, baptislah mereka ke dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus"—28:19.

C. "Pelipur, iaitu Roh Kudus yang akan diutus Bapa dalam nama-Ku, Dia akan mengajar kamu segala hal dan memperingatkan kamu tentang segala hal yang telah Kukatakan kepadamu"—Yoh. 14:26.

D. "Apabila Pelipur itu datang, Dia yang akan Aku utus kepadamu daripada Bapa, iaitu Roh realiti yang keluar daripada Bapa, Dia akan bersaksi tentang Aku"—15:26.

E. "Setelah dijunjung ke sebelah kanan Tuhan dan setelah menerima janji Roh Kudus daripada Bapa"—Kis. 2:33a.

F. "Jika Roh kepada Dia yang membangkitkan Yesus daripada yang mati huni dalam kamu, maka Dia yang membangkitkan Kristus daripada yang mati juga akan memberi hayat kepada tubuhmu yang akan mati menerusi Roh-Nya yang menghuni kamu secara dalaman"—Roma 8:11.

G. "Oleh sebab kamu ialah anak, Tuhan telah mengutus Roh Anak-Nya ke dalam hati kita, berseru, Abba, Bapa!"—Gal. 4:6.

H. "Agar Dia dapat, menurut kekayaan kemuliaan-Nya, membolehkan kamu diperkuat dengan kudrat menerusi Roh-Nya ke dalam manusia dalaman, agar Kristus dapat berumah dalam hatimu menerusi iktikad"—Ef. 3:16-17a.

I. "Satu Roh…satu Tuan…satu Tuhan dan Bapa"—4:4-6.

J. "Apatah lagi Kristus yang menerusi Roh abadi mempersembahkan diri-Nya tanpa cacat cela kepada Tuhan, bukankah darah-Nya lebih-lebih lagi dapat menyucikan zimah kita daripada kerja-kerja mati untuk melayan Tuhan yang hidup?"—Ibr. 9:14.

K. "Iaitu yang dipilih menurut prapengetahuan Tuhan Bapa dalam pengudusan Roh yang membawa kepada pematuhan dan perenjisan darah Yesus Kristus"—1 Ptr. 1:2a.

L. "Kurnia kepadamu dan damai sejahtera daripada Dia yang sekarang dan yang dahulu dan yang akan datang, dan daripada tujuh Roh yang ada di hadapan

takhta-Nya, dan daripada Yesus Kristus, Saksi yang setia itu, Yang Pertama-lahir daripada yang mati, dan Pemerintah kepada raja-raja di bumi"—Wahi 1:4b-5a.

IV. Tuhan ialah Tuhan yang menyembunyikan diri—Tuhan yang bersembunyi:

A. "Sesungguhnya, Engkaulah Tuhan yang menyembunyikan diri-Nya,/O Tuhan Israel, Penyelamat itu"—Yes. 45:15:

1. Walaupun Tuhan kita adalah maha hadir, maha kuasa, dan penuh dengan pengampunan, namun Dia juga Tuhan yang bersembunyi, seperti yang ditunjukkan dalam buku Ester—4:14.
2. Tuhan mencipta alam semesta, kemudian menyembunyikan diri-Nya dalam alam semesta, sehinggakan kita tidak tahu ke mana untuk mencari-Nya—Ayub 23:3.
3. Tuhan melakukan hal yang tidak terbilang banyaknya dalam kalangan bani Israel dan hal yang tidak terbilang banyaknya dalam kehidupan peribadi mereka, namun Dia menyembunyikan diri-Nya; Dia bekerja tanpa henti, namun Dia sentiasa bersembunyi—Yes. 45:15.
4. Kita perlu menyedari bahawa Tuhan yang maha kuasa yang kita layan itu masih menyembunyikan diri-Nya, terutamanya ketika Dia membantu kita—Yoh. 14:26; Roma 8:28.
5. Tuhan yang menyembunyikan diri-Nya sedang beroperasi dalam kita secara senyap namun secara perkasa—Flp. 2:13.

B. Makna ibarat dalam Lukas 18:1-8 adalah mendalam, dan kita perlu mengenali Tuhan yang disingkapkan sebagai Tuhan yang bersembunyi:

1. Balu dalam ayat 3 menandakan percayawan; dalam erti kata tertentu, percayawan dalam Kristus ialah balu pada zaman sekarang kerana Suami mereka, Kristus, tidak ada bersama dengan mereka secara lahiriah—2 Kor. 11:2.
2. Balu dalam ibarat ini sering datang kepada hakim yang tidak adilbenar itu dan meminta dia menuntut bela untuknya terhadap lawannya; kita harus berdoa secara berterusan untuk penuntutan bela ini dan tidak harus putus asa—Luk. 18:1, 3:
   a. Ketika Suami kita tidak ada bersama dengan kita secara lahiriah dan kita ditinggalkan di bumi sebagai seorang balu, buat sementara waktu Tuhan kita kelihatan seperti seorang hakim yang tidak adilbenar—ay. 6.
   b. Walaupun Dia kelihatan seperti tidak adilbenar, kita masih harus merayu kepada-Nya, berdoa secara berterusan, dan mengganggu Dia berulang kali, kerana Dia akan segera melaksanakan penuntutan bela untuk umat pilihan-Nya yang "berseru kepada-Nya siang dan malam"—ay. 7-8a.
3. "Apabila Anak Manusia datang, dapatkah Dia menjumpai iktikad di bumi?"—ay. 8b:
   a. Secara literal, perkataan Yunani yang diterjemahkan sebagai "iktikad" bermakna "iktikad itu"; ini merujuk kepada iktikad yang berterusan untuk doa kita yang teguh berterusan, seperti iktikad balu itu.
   b. Iktikad yang membolehkan kita diselamatkan ialah iktikad pada peringkat awal; iktikad yang membawa kita ke dalam penyatuan hayat dengan Kristus ialah iktikad penghubung—iktikad yang masuk ke dalam kita menerusi kita menghubungi Tuhan Tritunggal secara berterusan agar kita dapat hidup melalui Anak Tuhan—Roma 1:17; Gal. 2:20; Yoh. 14:19.

Mesej Dua (sambungan)

c. Iktikad penghubung merupakan tuntutan divin terhadap para pejayeng untuk mereka bertemu dengan Kristus dalam perkembalian-Nya yang menang gemilang—Luk. 18:8b:
   1) Iktikad penghubung ialah Tuhan Tritunggal bergerak dalam kita untuk menghubungkan kita dengan kekayaan-Nya yang tidak terduga—Ef. 3:8.
   2) Iktikad penghubung ialah iktikad percayawan yang tidak menaruh keyakinan pada diri sendiri; sebaliknya, mereka yakin kepada Tuhan—2 Kor. 1:9.
   3) Apabila Tuan Yesus kembali, Dia akan mendapati sejumlah pejayeng yang hidup melalui iktikad penghubung dan akan menganggap mereka sebagai harta demi kingdom-Nya dalam pemerajaan-Nya selama seribu tahun—Luk. 18:8b; Wahi 20:4, 6.

© 2026 Living Stream Ministry